

Negara Asean perlu pulih kembali kekuatan ekonomi

BH 21 NOV 2000

Oleh Jamhariah-Jaafar

PERSATUAN Negara-Negara Asia Tenggara atau lebih popular dengan panggilan Asean memasuki alaf baru dengan 1,001 persoalan, terutama membabitkan hala tuju gagasan serantau yang kini dilihat sebagai 'harimau yang kehilangan taring'.

Walaupun krisis ekonomi sudah berlalu, kesannya masih terasa, terutama bagi Indonesia yang suatu ketika memegang peranan penting dalam penyatuan Asean dan sering dilihat sebagai tonggak utama kepada persatuan yang kini sudah lengkap sebagai Asean-10.

Kemampuan Indonesia untuk terus menjadi pemegang peranan utama di rantau ini semakin dipertikaikan kerana negara Islam terbesar dunia itu ternyata menerima kesan paling buruk akibat krisis ekonomi.

Negara itu bukan saja menyaksikan kejatuhan Suharto, bahkan penggantinya B J Habibie hanya mampu bertahan sementara, manakala presiden baru pilihan rakyatnya, Abdurrahman Wahid atau lebih dikenali sebagai Gus Dur, bukan saja gagal dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan, malah kelihatan seperti semakin memburukkan keadaan yang sudah sememangnya parah.

Asean ternyata menghadapi pelbagai masalah, terutama dalam lingkungan ahli-ahlinya, dan ketidakstabilan politik serta ekonomi Indonesia juga terus menghantui usaha untuk menjadikan rantau ini sebagai sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Kedudukan tidak stabil itu turut memberi kesan kepada keputusan untuk memiliki satu keadaan yang digelar sebagai *flexible engagement* (rundingan fleksibel) yang dicapai ketika Sidang Kemuncak Keenam di Hanoi pada 1998.

Pensyarah Unit Pengajian Strategi dan Keselamatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Datuk Zakaria Ahmad, berkata krisis kepemimpinan di Indonesia turut memberi kesan

Kedudukan strategik Asean, dengan jumlah penduduk negara anggota kira-kira 482 juta orang, sebenarnya memiliki pasaran lebih besar berbanding EU. Sebelum krisis ekonomi, pertumbuhan rantau ini begitu pantas sehingga mencemaskan negara Barat yang iri hati dengan pencapaian membanggakan bangsa Asia ini

kepada kedudukan Asean secara tidak langsung berikutan gagasan ini tidak mempunyai seorang atau sebuah negara yang dapat diterima sebagai 'ketua'.

"Dulu Suharto dilihat sebagai pemimpin disegani Asean walaupun tidak diisytihar secara rasmi tetapi semua pihak menerima hakikat bahawa beliau adalah pemimpin utama bagi rantau ini.

"Tetapi kini Asean berada dalam keadaan seperti tidak ada pemimpin utama. Sekarang saya tidak nampak ada pemimpin lain yang dapat menggantikan tempat Suharto," katanya.

Asean sebenarnya terbahagi kepada dua, iaitu kumpulan negara asal - Indonesia, Malaysia, Filipina, Thailand, Singapura dan Brunei - serta negara-negara Indo-China, Vietnam, Laos, Myanmar dan Kemboja.

Krisis ekonomi yang mula melanda Thailand meledakkan kesan domino dengan semua negara rantau ini, terutama yang digelar 'Harimau Asia', menerima padah yang amat perit.

Malaysia yang turut menjadi mangsa juga menerima kritikan antarabangsa apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bertegas enggan menerima sebarang bantuan daripada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia, sebaliknya memperkenalkan formula kawalan ekonominya sendiri.

Dr Mahathir turut mengkritik 'penawar' yang diberi kepada negar-negara Asean dan mencadangkan supaya satu arkitektur kewangan

diperkenalkan bagi mengekang kegiatan samseng spekulator. Walaupun dunia antarabangsa mengancam pada peringkat awal, mereka akhirnya terpaksa menerima hakikat kenyataan Dr Mahathir.

Justeru, selepas ketiadaan Suharto, Dr Mahathir adalah pemimpin paling disegani di rantau ini. Dengan Presiden Joseph Estrada dari Filipina mengalami kemelut dalaman, pemimpin Thailand, Chuan Leekpai dan Goh Chok Thong dari Singapura kini turut berganding tenaga untuk memulihkan semula imej Asean sebagai pusat pelaburan paling menguntungkan bagi dunia sebelah sini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menegaskan Dr Mahathir, walaupun mengalami pelbagai kritikan antarabangsa, tetap didengar dan diambil serius pandangannya oleh semua pihak.

"Walau apapun kritikan antarabangsa terhadap Perdana Menteri, beliau tidak dapat dinafikan adalah pemimpin Asean yang paling berpengaruh sekarang.

"Pandangan dan suaranya terus diperlukan kerana walaupun pada awal ramai mengkritik tetapi akhirnya setiap pihak menyedari kebenaran kenyataannya," katanya.

Syed Hamid berkata, tidak dinafikan Dr Mahathir mempunyai ramai musuh di peringkat antarabangsa, namun musuhnya turut mengakui kebenaran hakikat kenyataan Perdana Menteri, terutama ketika krisis ekonomi tidak lama dulu.

"Beliau sebenarnya bukan sekadar dihormati dan pandangan

nya diperlukan pada peringkat Asia Tenggara, bahkan beliau adalah orang yang memperjuangkan nasib negara-negara sedang membangun tanpa perasaan gentar atau tunduk kepada tekanan. Dan Asean memerlukan pemimpin seperti sekarang, terutama dalam usaha memulihkan imej dan membina kesatuan yang lebih teguh di kalangan negara anggota," katanya.

Kedudukan strategik Asean, dengan jumlah penduduk keseluruhan negara anggota kira-kira 482 juta orang, sebenarnya memiliki pasaran lebih besar berbanding Kesatuan Eropah (EU). Sebelum krisis ekonomi, pertumbuhan rantau ini begitu pantas sehingga mencemaskan negara Barat yang iri hati dengan pencapaian membanggakan oleh bangsa Asia ini.

Sekiranya Asean dapat mengembalikannya kekuatan ekonominya dan melaksanakan semua program integrasi serta kerjasama yang dirancang mengikut jadual, gagasan serantau ini sudah pasti akan disanjung kembali oleh dunia.

Asean diwujudkan pada 1967 oleh pengasas negara utamanya dalam usaha untuk merealisasikan impian memiliki sebuah rantau yang aman dan makmur. Mereka turut menjemput negara Indo-China dan yang terakhir, Myanmar, untuk melengkapkan Asean-10 walaupun menerima pelbagai bantahan antarabangsa.

Keputusan dicapai berdasarkan konsensus – negara-negara anggota turut akur dengan dasar tidak campur tangan – tetapi pada masa yang sama tidak menolak sebarang situasi yang memerlukan rundingan fleksibel.

Jusuf Wanadi dalam artikelnya 'Asean's Challenges for its future' (Cabaran Asean Untuk Masa Depan), berkata rekod kewujudan dan kerjasama Asean sejak 30 tahun lalu akan terus bertahan walaupun menerima pelbagai kritikan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kekukuhannya tidak mudah untuk diinjak-injak atau

dimusnahkan begitu saja.

Bagaimanapun, katanya, Asean sekiranya ingin terus menjadi relevan, tidak mampu untuk terus bertahan sebagai sebuah institusi serantau antara negara saja seperti yang menjadi amalan selama ini.

"Asean telah berjaya sebagai sebuah institusi serantau yang menyediakan kemudahan untuk proses integrasi yang intensif di kalangan anggotanya. Untuk memastikan ia mampu menghadapi cabaran baru yang diberi nama globalisasi, ia mesti bertukar menjadi Komuniti Asia Tenggara.

"Itu bermakna masyarakat Asean perlu lebih disepadukan pada masa depan dan bekerjasama lebih erat dalam semua bidang. Ini adalah intipati kepada Wawasan Asean 2020 yang diceetus oleh pemimpin-pemimpin Asean di Kuala Lumpur pada 1997," katanya sambil menambah integrasi Asean sepatutnya lebih berasaskan peraturan dan disokong oleh institusi kerjasama serantau yang lebih mantap.

Masalah Asean kini hanya membabitkan pasca krisis ekonomi yang secara tidak langsung turut menjejaskan kedudukan sosiopolitik kebanyakan negara anggota.

Justeru, banyak negara ahli kini sebenarnya lebih banyak memberi tumpuan kepada masalah domestik sehingga timbul sedikit sebanyak sikap 'pesimis' untuk memajukan program dan projek yang dirangka untuk rantau ini.

Jusuf merumuskan sikap pesimis seumpamanya memang tidak dapat dielakkan kerana kebanyakan negara 'terkejut' dengan impak krisis ekonomi yang menyaksikan semua usaha keras sejak 30 tahun lalu hampir musnah sama sekali.

Justeru, katanya, untuk menangani sindrom 'pesimis Asean' ini, negara anggota perlu lebih jelas dalam visi dan hala tuju masa depannya dalam usaha untuk memastikan krisis buruk itu tidak berulang.